

12 SEP 2003

Bajet-Rumah

KERAJAAN AMBIL ALIH PEMBINAAN PERUMAHAN KOS RENDAH SEDERHANA

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil alih pembinaan rumah kos rendah dan sederhana, terutama melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana berpeluang memiliki rumah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah ini diambil memandangkan permintaan terhadap rumah kos rendah dan sederhana dianggarkan meningkat sebanyak 500,000 buah untuk tempoh lima tahun akan datang berdasarkan profil penduduk negara, terutama mereka yang dalam golongan umur 20 hingga 24 tahun.

"Tindakan itu adalah juga bagi meringankan beban syarikat pemaaju perumahan swasta, mereka akan diberi pilihan sama ada untuk melaksanakan sendiri pembinaan rumah kos rendah sebanyak 30 peratus atau menyerahkan kepada SPNB," katanya semasa membentangkan Bajet 2004 di Parlimen di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata: "Namun, mereka (syarikat pemaaju perumahan swasta) akan dikehendaki membayar caruman sebagai timbal balas."

Beliau juga mengumumkan cadangan kerajaan untuk mengecualikan Cukai Keuntungan Harta Tanah ke atas keuntungan dari pelupusan hartanah oleh individu atau syarikat kepada dana-dana Amanah Saham Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah.

Kedua dana-dana itu bertanggungjawab menggembelngkan dana daripada pelabur-pelabur kecil untuk membolehkan mereka melabur dalam hartanah.

"Kerajaan juga mencadangkan untuk mengecualikan duti setem ke atas surat cara pindah milik hartanah daripada individu atau syarikat kepada dana-dana itu," kata Perdana Menteri.

Pada masa ini, keuntungan dari pelupusan hartanah oleh individu atau syarikat, termasuk kedua-dua amanah tersebut tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT).

Dr Mahathir berkata untuk tahun depan, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM558.8 juta untuk pelbagai projek perumahan awam kos rendah.

"Sebanyak RM484 juta untuk membiayai pembinaan sebanyak 62,672 unit rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat untuk disewa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bandar utama.

Sementara bakinya sebanyak RM74.5 juta untuk pinjaman kepada kerajaan negeri bagi meneruskan pembinaan 28,541 unit rumah kos rendah," katanya.

Beliau juga berkata pencarum Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) yang membeli rumah kos rendah yang dibina oleh SPNB, akan juga diberi kemudahan "end financing" melalui MBSB.

"Oleh kerana penyediaan perumahan kos rendah dianggap sebagai satu tanggungjawab sosial kerajaan, maka kerajaan negeri akan diminta untuk mengecualikan premium tanah untuk pembinaan rumah kos rendah ini."

Beliau berkata semua syarikat utiliti yang membekalkan kemudahan seperti elektrik, air dan telefon, diminta untuk hanya mengenakan kos asas sahaja.

Perdana Menteri berkata satu projek contoh berasaskan konsep baru bagi membina 10,000 unit rumah mampu milik akan dilaksanakan sebagai satu "show case" di atas tanah seluas 400 hektar milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Lembah Kelang.

Projek itu, akan dilengkapi dengan kemudahan pengangkutan awam, pusat ibadah, kemudahan komersial, pusat membeli-belah, kedai runcit, kemudahan riadah, termasuk taman dan padang permainan, dewan orang ramai dan

lain-lain kemudahan yang bersesuaian, katanya.

Beliau berkata bagi perumahan anggota tentera, sebanyak RM418.1 juta disediakan untuk meneruskan pembinaan 2,500 unit rumah, sementara RM251 juta disediakan untuk menyiapkan 44 projek perumahan bagi anggota polis.

"Sebanyak RM38 juta pula disediakan bagi pembinaan kuarters gunasama di sekitar KLIA dan Kuala Lumpur," katanya.

Menyentuh mengenai projek perumahan terbengkalai, pada masa ini terdapat 204 projek yang melibatkan hampir 66,000 unit bernilai RM5.6 bilion.

"Pemulihan lebih dari setengah projek ini melibatkan 36,000 unit rumah yang bernilai RM3.4 bilion sedang diuruskan oleh SPNB," katanya.

-- BERNAMA

HK AHH MOZ